



Saifuddin bersama Suriani dan Khairul Shahril (kiri) menunjukkan buku Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020-2024 pada Majlis Pelancaran MCSS 2020-2024 di KLCC, semalam. (Foto BERNAMA)

Kerajaan lancar strategi keselamatan siber RM1.8 bilion

KKMM, NACSA bertanggungjawab laksana pelan tindakan jangka sederhana

Kuala Lumpur: Kerajaan melancarkan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (MCSS) 2020-2024 dengan peruntukan RM1.8 bilion bagi meningkatkan kesiapsiagaan keselamatan siber negara.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) diberi tanggungjawab menggubal, melaksana, memantau serta menyelaraskan pelan tindakan jangka sederhana itu.

Perdana Menteri berkata, strategi itu dirangka bersandarkan lima tonggak utama yang merangkumi 12 strategi, 35 pelan tindakan dan 113 program sebagai teras mekanisme keselamatan siber dalam berdepan apa juga serangan siber.

"Tonggak pertama, mempertingkatkan pengurusan tadbir urus dan keselamatan siber negara dengan menambah baik infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kritikal negara, selain meningkat keupayaan menangani isu keselamatan siber secara efektif.

"Dalam hal ini, Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara ditubuhkan dan saya melantik Men-

teri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai pengerusi menerajui jawatankuasa ini," katanya dalam ucapan perasmian MCSS 2020-2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Ucapan Perdana Menteri dibacakan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Saifuddin Abdullah.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KKMM, Datuk Suriani Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara (Keselamatan Strategik) Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Khairul Shahril Idrus.

Perdana Menteri berkata, tonggak kedua adalah memperkukuhkan penguatkuasaan jenayah siber dan perundangan sedia ada dengan meneliti semula undang-undang berkaitan serta menggubal undang-undang khusus mengenai keselamatan siber.

Beliau berkata, tonggak ketiga pula pemerkasaan inovasi dan teknologi bertaraf dunia dalam bidang keselamatan siber serta keempat, mempertingkatkan pembangunan kapasiti dan tenaga mahir bidang keselamatan siber.

"Tonggak kelima, memperkukuhkan kerjasama antarabangsa iaitu dengan menggiatkan kerjasama peringkat serantau dan antarabangsa bagi melindungi ruang siber negara," katanya.

Muhyiddin berkata, soal keselamatan siber negara, terus menjadi keutamaan dalam agenda pertahanan dan keselamatan negara.

Beliau menyifatkan inisiatif

berbentuk pertahanan siber aktif itu tepat pada masanya berikutan jenayah siber yang meningkat ketika tempoh penularan pandemik COVID-19.

Katanya, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Pusat Kawalan dan Penyelidikan Siber Nasional (NC4) berjaya mengesan serta mengekang beberapa serangan siber terhadap agensi tertentu.

"Serangan siber membabitkan 'Advance Persistent Threat' (APT) iaitu pencerobohan laman sesawang agensi tertentu, selain serangan siber Ransomware dan Zero-Day," katanya.

Perdana Menteri juga memberi jaminan terdapat elemen keselamatan siber dalam semua inisiatif digital diterajui kerajaan yang boleh meredakan kebimbangan pelabur mengenai masalah keselamatan.

Beliau berkata, kerjasama antarabangsa amat penting untuk mengatasi masalah keselamatan siber kerana tidak ada negara dapat menangani masalah ini secara sendirian.

"Malaysia juga menyokong inisiatif keselamatan siber di kedua-dua platform, serantau dan antarabangsa, yang membawa kepada penetapan norma untuk keselamatan siber bersama dengan ASEAN, Forum Serantau ASEAN (ARF), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Komonwel.

"Kami berharap dapat meneroka lagi hubungan dua hala dan pelbagai hala bersama," katanya.

BERNAMA